

# Tuntut dokumen sebenar

*Lima agensi perlu beri maklumat berhubung isu padang PKNS*

**AHMAD NORMAN  
ABU TALIB**

**PETALINGJAYA**—Enakmen Kebebasan Maklumat akan digunakan sebagai 'kes percubaan' untuk mendapatkan semua dokumen daripada lima agensi berkaitan berhubung isu Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ2) melibatkan padang Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di sini, semalam.

Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, beliau akan berusaha menggunakan enakmen tersebut dalam usaha mendapatkan dokumen daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), PKNS, Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor, Jabatan Perancangan Bandar

dan Desa (JBPD) serta Pejabat Daerah dan Tanah Petaling.

Katanya, melalui enakmen tersebut, kesemua agensi berkenaan perlu memberi maklumat berhubung dokumen diperlukan dalam tempoh tertentu.

Nik Nazmi berkata, tindakan tersebut dilihat perlu dilaksanakan selepas mengadakan perbincangan bersama Ahli Jawatankuasa (AJK) Selamatkan Padang Rakyat.

"Selaku wakil rakyat, saya akan tulis surat untuk dapatkan semua dokumen dari awal sampai akhir daripada lima agensi berkenaan," katanya ketika ditemui semasa sesi pertemuan dengan Pengerusi AJK Selamatkan Padang Rakyat, Datuk Mukshar Md Shaari bersama penduduk di



**Nik Nazmi (tengah) bersama Mukshar (kiri) pada sidang media, semalam.**

SS7 di sini, semalam.

Katanya, pihaknya juga akan mengkaji siasatan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) kerana

mungkin terdapat konflik tentang status tanah.

Menurutnya, beliau menekankan Selcat mengesyorkan kepada PKNS bahawa mereka mempunyai pilihan jika tidak berpuas hati dengan ke-

putusan MBPJ dan JBPD yang mengekalkan status tanah tersebut kepada tanah lapang dan rekreasi di bawah Seksyen 37 Akta Perancangan Bandar dan Desa.

Dalam perkebang-

an sama, Mukshar berkata, pihaknya kesal dan kecewa terhadap Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang didakwa tidak mengendahkan isu padang PKNS.

Beliau turut menggesa MBPJ memulakan proses mencetak RTPJ2 yang sah.

"Kami gesa Abdul Khalid segera buat kenyataan batalkan projek di atas tanah padang PKNS dan mengembalikan tanah kepada rakyat," katanya.

Pada 22 November tahun lalu, Pengerusi Selcat, Datuk Teng Chang Khim berkata, jawatankuasa berkenaan kesal dengan tindakan pegawai MBPJ terlibat dalam urusan penukaran status padang PKNS daripada tanah rekreasi kepada pusat komersial.